



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

*Sesi Libat Urus*

**PEKELILING PERKHIDMATAN  
SISTEM SARAAAN  
PERKHIDMATAN AWAM**

**(PP 1/2024)**

**[EDARAN WARGA]**



# ISI KANDUNGAN

- 01** **PENINGKATAN PENYAMPAIAN MELALUI  
PEMBUDAYAAN NILAI**
- 02** **PENETAPAN KELAYAKAN MASUK MINIMUM  
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**
- 03** **PENYERAGAMAN & PENGGELARAN SEMULA GRED JAWATAN**
- 04** **PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN**
- 05** **PENETAPAN SEMULA KETUA PERKHIDMATAN**
- 06** **PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR GAJI**
- 07** **KEMUDAHAN**
- 08** **ELAUN**
- 09** **PENGURUSAN BAKAT**
- 10** **TAWARAN OPSYEN**



1

# PENINGKATAN PENYAMPAIAN MELALUI PEMBUDAYAAN NILAI

## RASIONAL

1

Menegakkan  
undang-undang

2

Komitmen dan  
kebertanggungjawaban  
penjawat awam terhadap  
AKU JANJI yang  
ditandatangani

Pembudayaan nilai perlu dijadikan pegangan dan identiti pegawai awam dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Asas pembudayaan nilai dalam perkhidmatan awam meletakkan tanggungjawab setiap pegawai awam untuk menyesuaikan nilai peribadi dan matlamat yang ditetapkan sebagai komitmen dan integriti diri demi kemaslahatan perkhidmatan awam.



**JABATAN PERDANA MENTERI**

**keMampanan**

Kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dan alam, bernuansakan citra Malaysia yang unik.

**Daya cipta**

Mengandungi beberapa konotasi antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu.

**keyakiNan**

Keyakinan punyai kaitan yang erat dengan amanah yakni suatu ikrar bertanggungjawab moral duniawi dan ukhrawi.

**M**

**A**

**D**

**A**

**N**

**I**

**kesejAhteraan**

Membawa makna keseimbangan atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan.

**hormAt**

Mengandungi konotasi maruah manusia. Suatu kalimat lain yakni adab yang berasal daripada bahasa arab.

**Ihsan**

Ihsan itu sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan.

[f Jab.PerdanaMenteri](#)
[@jabatanperdanamenteri](#)
[@jpmgov\\_](#)
[@jpmgov](#)

**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

Semangat  
**MALAYSIA**  
Dalam Diri Penjawat Awam

**M**  
MESRA  
Sopan santun dan empati dalam memberi perkhidmatan

**A**  
ADIL  
Meletakkan sesuatu pada haknya

**L**  
LUHUR  
Memulakan perkhidmatan dengan komited dalam pekerjaan

**A**  
AMANAH  
Jujur dan ikhlas dalam mengagatas tugas

**Y**  
YAKIN  
Percaya dengan kelebihan diri serta semangat berorganisasi

**S**  
SETIA  
Taat dan setia berdasarkan Rukun Negara dan Perlembagaan

**I**  
ISLAH  
Sentiasa melakukan pembaharuan dan penambahbaikan

**A**  
ARIF  
Mesti berilmu, berpengalaman dan berkemahiran

#taatsetia  
MALAYSIA MADANI  
Jawi Madani

[www.jps.gov.my](#)
[Jabatan Perkhidmatan Awam](#)
[Jabatan Perkhidmatan Awam](#)
[@jpsgov](#)
[@jpsgov](#)



**NILAI-NILAI PENJAWAT AWAM**

**HIJRAH TATA KELOLA**

Berani berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa, menjalankan tugas dengan rapi, cekap dalam pelaksanaan tugas, dan mengamalkan komunikasi secara efisien.

**EMPATI RAKYAT**

Mendengar dan memahami permasalahan rakyat, sentiasa prihatin dan menyayangi rakyat, serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan ahteraan kepada rakyat.

**MINDA PEKIN**

Bersikap cermat dalam membelanjakan dana awam, sentiasa kreatif dan inovatif dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, mempunyai minda "value for money", dan menjalankan tugas secara kerjasama strategik antara organisasi.


**TELUS TADBIRAN**

Menyematkan nilai-nilai integriti dalam menjalankan tugas seharian, sentiasa membudayakan amalan semak dan imbang bagi melancarkan pelaksanaan tugas, dan meraikan pandangan luar yang dapat memantapkan lagi kualiti kerja yang dijalankan.

**APRESIASI INOVASI**

Menyokong dan menghargai perkembangan idea-idea baharu bagi memperkasakan Perkhidmatan Awam, meneroka pelbagai inisiatif baharu yang bersesuaian dengan kehendak semasa, dan berusaha untuk memartabatkan inisiatif digital baharu yang efisien.

[f Jab.PerdanaMenteri](#)
[@jabatanperdanamenteri](#)
[@jpmgov\\_](#)
[@jpmgov](#)





2

# **PENETAPAN KELAYAKAN MASUK MINIMUM DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

# 21

## klasifikasi perkhidmatan

Bil.	Klasifikasi Perkhidmatan	Kod
1.	Pengangkutan	A
2.	Bakat dan Seni	B
3.	Sains	C
4.	Pendidikan	D
5.	Ekonomi	E
6.	Sistem Maklumat	F
7.	Pertanian	G
8.	Kemahiran	H
9	Kejuruteraan	J

Bil.	Klasifikasi Perkhidmatan	Kod
10.	Keselamatan dan Pertahanan Awam	K
11.	Perundangan dan Kehakiman	L
12.	Tadbir dan Diplomatik	M
13.	Pentadbiran dan Sokongan	N
14.	Pencegahan	P
15.	Penyelidikan dan Pembangunan	Q
16.	Sosial	S
17.	Penguatkuasaan Maritim	T
18.	Perubatan dan Kesihatan	U
19.	Kewangan	W
20.	Polis	Y
21.	Tentera	Z



## 13

Skim perkhidmatan terlibat dengan urusan ini

- |   |                                    |    |   |
|---|------------------------------------|----|---|
| 1 | Operator Loji                      |    |   |
| 2 | Pemandu/Operator Jentera Pemungkah |    |   |
| 3 | Pemandu Kenderaan                  |    |   |
| 4 | Pembantu Awam                      |    |   |
| 5 | Bentara Parlimen                   |    |   |
| 6 | Penghantar Notis                   |    |   |
| 7 | Pembantu Operasi                   |    |   |
|   |                                    | 8  | Pembantu Perawatan Kesihatan                  |
|   |                                    | 9  | Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli |
|   |                                    | 10 | Pengawas Hutan                                |
|   |                                    | 11 | Pembantu Hidupan Liar                         |
|   |                                    | 12 | Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan*  |
|   |                                    | 13 | Pengawal Keselamatan                          |
- Digabungkan  
 Dinaik taraf  
 Dijumudkan dan ditukar lantik

Nota : \*Dijumudkan melalui PP 3/2024



## PENGGABUNGAN

## PENJUMUDAN

Operator Loji, Pemandu/Operator Jentera Pemungkah, Pemandu Kenderaan dan Pembantu Awam

H11 H14 H16 H18

Digabungkan  
\*Perjawatan sedia ada dijumlahkan.

N11 N14 N16 N18

Bentara Parlimen, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi

**PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1**

DIJUMUDKAN

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan\*

YT1 YT2 YT4 YT6 YT8 YT10



Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred Y1

DIJUMUDKAN

Pengawal Keselamatan

KP11 KP14 KP16 KP18



Pembantu Keselamatan Gred KP1

## NAIK TARAF

Pembantu Perawatan Kesihatan

U11 U14 U16 U18

Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli

YP1 YP2 YP4 YP6 YP8 YP10

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred Y1

Pengawas Hutan

G11 G14

Pengawas Hutan Gred G1

Pembantu Hidupan Liar

G11 G14

Pembantu Hidupan Liar Gred G1



3

# **PENYERAGAMA & PENGGELARAN SEMULA GRED JAWATAN**



## KUMPULAN PELAKSANA

KELAYAKAN MASUK	GRED SSM	GRED SSPA
Diploma/ STPM	39/40	8
	37/38	7
	36**	
	35/36*	6
	33/34	
	31/32	
	29/30	5
SPM	27/28	4
	25/26	3
	24	2
	21/22	
	19/20	1

## KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

KELAYAKAN MASUK	GRED SSM	GRED SSPA
Ijazah Sarjana Muda	55/56	15
	53/54	14
	51/52	13
	47/48	12
	45/46	11
	43/44	10
	41/42	9

Nota : \*Gred Kenaikan pangkat pertama  
\*\*Gred Kenaikan pangkat kedua




4

# PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN



## KESAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN



## A) Kelayakan Ijazah Sarjana Muda

## SSM

1

**Pensyarah UiTM**Gred \*DM41, DM45/46,  
DM51/52, DM53/54, Khas

2

**Pengurus Taman/Ladang**Gred G41, G44, G48, G52,  
G54

3

**Pegawai Penyelidik Sosial**Gred N41, N44, N48, N52,  
N54

## SSPA

**\*Pensyarah Universiti**

Gred DS11, DS13, DS14, Khas

**Pegawai Tadbir**Gred N9, N10, N12, N13, N14  
(BBN)**Pegawai Pertanian**Gred G9, G10, G12, G13, G14  
(BBP dan PBT)**Pegawai Arkib**Gred S9, S10, S12, S13, S14  
(PAP)**Pegawai Tadbir**Gred N9, N10, N12, N13, N14  
(BBP, PAN dan BBN)

## SSM

4

**Pengurus Asrama**Gred N41, N44, N48, N52,  
N54

5

**Pegawai Penerbitan**Gred N41, N44, N48, N52,  
N54

6

**Pegawai Kewangan**Gred W41, W44, W48, W52,  
W54

## SSPA

**Pegawai Tadbir**

Gred N9, N10, N12, N13, N14

**Pegawai Tadbir**Gred N9, N10, N12, N13, N14  
(BBP, PAN, BBN dan PBT)**Pegawai Penerangan**Gred S9, S10, S12, S13, S14  
(PAP)**Akauntan**Gred WA9, WA10, WA12, WA13,  
WA14  
(Memiliki kelayakan perakaunan)**Pegawai Tadbir**Gred N9, N10, N12, N13, N14  
(Memiliki kelayakan selain perakaunan)

Nota : PAP: Perkhidmatan Awam Persekutuan | BBP: Badan Berkanun Persekutuan | PAN: Perkhidmatan Awam Negeri | BBN: Badan Berkanun Negeri | PBT: Pihak Berkuasa Tempatan

## B) Kelayakan STPM/Diploma

## SSM

1

**Penolong Pensyarah UiTM**  
Gred DM29, DM32, DM34,  
DM40

2

**Penolong Pengurus  
Taman/Ladang**  
Gred G29, G32, G36, G40

## SSPA

Pelukis Pelan (Kejuruteraan  
Awam)/**Penolong Jurutera**  
Gred JA1, JA2, JA3, **JA5, JA6,**  
**JA7, JA8.**  
(Memiliki kelayakan kejuruteraan)

**Penolong Pegawai Tadbir**  
Gred N5, N6, N7, N8.  
(Memiliki kelayakan selain kejuruteraan)

**Penolong Pegawai Pertanian**  
Gred G5, G6, G7, G8  
(BBP dan PBT)

**Penolong Pegawai Tadbir**  
Gred N5, N6, N7, N8  
(BBN)

## SSM

3

**Penolong  
Pegawai Penyelidik Sosial**  
Gred N29, N32, N36, N40

4

**Penolong  
Pengurus Asrama**  
Gred N29, N32, N36, N40

5

**Penolong Pegawai  
Penerbitan**  
Gred N29, N32, N36, N40

## SSPA


**Penolong Pegawai Tadbir**  
Gred N5, N6, N7, N8

**Penolong Pegawai Tadbir**  
Gred N5, N6, N7, N8


**Penolong Pegawai Tadbir**  
Gred N5, N6, N7, N8



## C) Kelayakan SPM



## C) Kelayakan SPM (sambungan)



Nota : \*Dijumudkan melalui PP 3/2024



5

# **PENETAPAN SEMULA KETUA PERKHIDMATAN**

**TAKRIFAN  
KETUA  
PERKHIDMATAN**

Ketua Perkhidmatan ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan atau mana-mana pegawai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebagai Ketua Perkhidmatan.

**TAKRIFAN  
KETUA JABATAN**

Ketua Jabatan ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu Jabatan atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya dan sesuatu jabatan itu termasuklah:

- (a) Sesuatu Kementerian;
- (b) Sesuatu Jabatan Persekutuan di peringkat Persekutuan, Wilayah, Negeri atau Daerah dalam Persekutuan;
- (c) Sesuatu Jabatan Persekutuan di luar negara; dan
- (d) Mana-mana entiti lain dalam Perkhidmatan Awam sebagaimana yang ditentukan oleh KPPA.

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	KETUA PERKHIDMATAN
1.	Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi (termasuk di bawah KKM)	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
2.	Penolong Pegawai Tadbir termasuk PPT (Rekod Perubatan) di bawah KKM	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
3.	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional	KSU KESUMA
4.	Kurator, Penolong Kurator dan Pembantu Muzium (selain di MOTAC dan jabatan di bawahnya)	KP Jabatan Muzium Malaysia
5.	Pembantu Khidmat Am	Ketua Jabatan masing-masing
6.	Pegawai pelantikan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Contoh : • Ketua Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) di KKM adalah KSU KKM. • Ketua Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir adalah KPPA.	Tertakluk kepada skim perkhidmatan baharu

- Penetapan Ketua Perkhidmatan adalah bagi 199 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA. Rujuk **Lampiran C1 & C2, PP Bil. 1/2024**.
- Penetapan Ketua Perkhidmatan ini adalah bersifat **mandatori sama ada menerima atau menolak opsyen SSPA**.
- Pelaksanaan penetapan Ketua Perkhidmatan adalah bagi **Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP) sahaja**.
- Surat edaran JPA terdahulu berkaitan penetapan Ketua Perkhidmatan adalah terbatal. Rujuk **Lampiran Q, PP Bil. 1/2024**.




6

# **PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR GAJI**

## Opsyen SSPA




**Menerima**



**Penambahbaikan Struktur Gaji**

**Pemberian Pelarasan Gaji**



**Tidak menerima**



**Kekal dalam stuktur gaji SSM**

1

Kadar Gaji Permulaan Terendah (GPT) RM1,500

2

JGMM semua gred ditambah baik dan diseragamkan

1. JGMM diseragamkan mengikut gred – satu JGMM setiap gred. (perenggan 45)
2. Gaji minimum dan maksimum ditambah baik. (perenggan 46)

3

Kadar kenaikan gaji tahunan di gaji maksimum

1. Kadar KGT diselaraskan mengikut gred di bawah SSPA
2. KGT di Gaji Maksimum (KGM) menggantikan kadar tetap 3% (PP 2/2015)
3. Kadar KGM ditetapkan satu amaun bagi setiap gred
4. Pegawai yang sedang menerima kadar KGT yang lebih tinggi daripada kadar KGT SSPA kekal menggunakan kadar KGT tersebut secara KUP (perenggan 52).



**B) Kadar Pelarasan dan Tarikh Pelaksanaan**

	<b>Pelaksana</b>	<b>Pengurusan dan Profesional</b>	<b>Kumpulan Pengurusan Tertinggi</b>
<b>Fasa 1: 1 Disember 2024</b>		<b>8%</b> atau minimum RM240	<b>4%</b>
<b>Fasa 2: 1 Januari 2026</b>		<b>7%</b>	<b>3%</b>
<b>JUMLAH PELARASAN</b>		<b>15%</b>	<b>7%</b>

**\* Perenggan 59**

**FASA 1**

**Gaji hakiki**  
**30 November 2024**  
**+**  
**8% atau RM240**

**FASA 2**

**Gaji hakiki**  
**31 Disember 2025**  
**+**  
**7%**

gaji > RM3,000 = pelarasan 8%  
gaji ≤ RM3,000 = pelarasan RM240

Selepas diberi  
pelarasan gaji Fasa 1,  
gaji pegawai  
dipindahkan ke  
JGMM baharu

Jika gaji masih  
**di bawah GPT/**  
**gaji permulaan**, ia  
hendaklah dipindahkan  
ke **gaji GPT/**  
**gaji permulaan**  
(perenggan 63).

Jika gaji melebihi  
**gaji maksimum**,  
**mohon gaji KUP**  
daripada BGE  
(perenggan 68).

### Pegawai yang Terlibat dalam Urusan Pertukaran Pelantikan


1. Pegawai menerima opsyen SSPA dan ditukar lantik namun **belum memenuhi syarat opsyen** akan kekal dalam struktur gaji SSM sehingga memenuhi syarat
2. Pelarasan gaji diberikan atas JGMM asal.
3. TPG pegawai gred 11 yang ditukar lantik dan dipindahkan ke GPT/gaji permulaan baharu akan berubah ke 1 Oktober (perenggan 49).

### Kenaikan Pangkat Pada Tarikh Pelarasan Gaji


**Pegawai naik pangkat:  
1 Disember 2024; atau  
1 Januari 2026**

- diberi pelarasan gaji terlebih dahulu
- seterusnya ditetapkan gaji permulaan di gred kenaikan pangkat berdasarkan prinsip kenaikan pangkat di atas gaji SSPA

SIMULASI: PELARASAN GAJI RM240 DAN PEMINDAHAN KE JGMM BAHARU




SIMULASI: PELARASAN GAJI FASA 1 (RM240) DAN FASA 2 (7%)





7

# KEMUDAHAN



## 1) Cuti Tanpa Rekod (CTR) Kelompok

## Sedia Ada

- Cuti Tanpa Rekod
- Syarat dan kadar (tempoh/ hari) berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa

## SSPA

- Cuti Tanpa Rekod Kelompok
- **maksimum 20 hari setahun kalendar**
- Pegawai boleh **mengambil mana-mana jenis** CTR Kelompok mengikut syarat yang ditetapkan
- **bilangan hari CTR (fleksibel)** mengikut keperluan
- tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

BIL.	CTR KELOMPOK	KAEDAH PENGGUNAAN
1.	Isteri Bersalin	Bilangan hari fleksibel mengikut syarat khusus
2.	Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat	
3.	<a href="#">Menjaga Ahli Keluarga Sakit*</a>	
4.	Umrah	
5.	Keagamaan	
6.	Mengambil Peperiksaan	Bilangan hari ditetapkan mengikut syarat khusus
7.	Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat	
8.	Menghadiri Aktiviti Koperasi	
9.	Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri	
10.	Pertandingan Musabaqah Al-Quran	
11.	Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	
12.	Aktiviti Khidmat Masyarakat	
13.	<a href="#">Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa *</a>	
14.	<a href="#">Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa*</a>	
15.	<a href="#">Menghadiri mesyuarat/ bengkel/ seminar anjuran Pihak Pekerja MBK*</a>	
16.	<a href="#">Hari Mengundi*</a>	
17.	<a href="#">Rawatan Hemodialisis*</a>	
18.	<a href="#">Perayaan* (Good Friday, Deepavali, Christmas Eve*, Hari Raya Haji Kedua* dan Thaipusam*)</a>	

Nota: \* CTR baharu





## 2) Cuti Separuh Gaji

Kemudahan Cuti Separuh Gaji diberikan atas sebab-sebab kesihatan sanak saudara yang rapat

**Sedia Ada**

1. Keluarga pegawai sendiri (Isteri/suami dan anak-anak)
2. Ibu bapa
3. Adik beradik
4. Ibu bapa mentua
5. Nenek dan datuk



**DIPERLUASKAN**

**SSPA**

6. Ibu bapa angkat
7. Ibu bapa tiri
8. Anak angkat
9. Anak pelihara
10. Anak angkat de facto
11. Anak tiri tanggungan.



### 3) Cuti Menjaga Anak

Kemudahan Cuti Menjaga Anak diberikan bagi tujuan menjaga anak pegawai

#### Sedia Ada

Diberikan kepada pegawai wanita

##### Kadar

1. **Cuti Menjaga Anak Yang Tidak Terikat Dengan Cuti Bersalin** = terhad sehingga satu (1) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan atau sehingga anak mencapai umur lima (5) tahun, mengikut mana yang terdahulu
2. **Cuti Menjaga Anak Yang Bersambung Dengan Cuti Bersalin** = terhad sehingga lima (5) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan.

#### SSPA

Dipanjangkan kepada pegawai lelaki

##### Kadar

- Cuti Menjaga Anak Yang Tidak Terikat Dengan Cuti Bersalin**  
Terhad sehingga satu (1) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan atau sehingga anak mencapai umur lima (5) tahun, mengikut mana yang terdahulu.

## 1) Bekerja Dari Rumah (BDR)

**Sedia Ada****Prinsip BDR:**

Tiada elemen permohonan BDR oleh pegawai

**Tafsiran “Rumah”:**

Kediaman pegawai seperti alamat tempat tinggal yang didaftarkan dalam HRMIS

**SSPA****Prinsip BDR:**

Memasukkan elemen permohonan BDR oleh pegawai untuk kelulusan Ketua Jabatan

**Tafsiran “Rumah” diperluaskan:****Kediaman pegawai:**

- i. alamat tempat tinggal yang didaftarkan dalam HRMIS; atau
- ii. lokasi yang bersesuaian sebagai tempat bekerja tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Ketua Jabatan

## 2) Waktu Bekerja Syif

**Sedia Ada**

- Jumlah jam bekerja seminggu 46 jam;
- 1 jam rehat bagi setiap satu giliran waktu bekerja yang tidak kurang 8 jam dan tidak melebihi 12 jam;
- 1 hari dalam seminggu sebagai waktu rehat.

**SSPA**

Jumlah jam bekerja seminggu Waktu Bekerja Giliran disamakan dengan Waktu Bekerja Pejabat iaitu:

- 45 jam termasuk rehat; **atau**
- purata 45 jumlah jam bekerja bagi 4 minggu berturutan termasuk rehat

Mewujudkan fleksibiliti tertakluk kepada syarat:

- 4-6 hari bekerja seminggu;
- 1-3 hari rehat seminggu;
- Tidak kurang 8 jam dan tidak lebih 12 jam bekerja sehari; dan
- 1 jam rehat dalam tempoh waktu bekerja

Menggantikan terma **Waktu Bekerja Giliran** kepada **Waktu Bekerja Syif**.

## 1) Pakaian Seragam

### Sedia Ada

#### 1. Pakaian Seragam

- 3 pasang pakaian dan 2 pasang kasut

### SSPA

#### 1. Pakaian Seragam

#### 2. Pakaian Keperluan Tugas

- 3 pasang pakaian dan 2 pasang kasut

## 2) Pakaian Panas Tempat Kerja

### Sedia Ada

#### 1. Pakaian Panas Bilik Komputer

- Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer
- RM150 x sehelai (setiap 3 tahun)

### SSPA

#### 1. Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja

- Diperluaskan kepada semua skim perkhidmatan yang bertugas di persekitaran kerja yang diselenggara di bawah suhu 20°Celsius
- **RM200** (setiap 3 tahun)

## 3) Bayaran Baju Kot

**Sedia Ada****1. Bayaran Baju Kot Mahkamah kepada Pegawai yang Bertugas di Mahkamah**

- Semua skim perkhidmatan
- RM250 x sehelai (setiap 3 tahun)

**2. Bantuan Pakaian Blazer**

- Pegawai Khidmat Pelanggan
- RM250 x 2 helai (setiap 3 tahun)

**SSPA****1. Bantuan Baju Kot**

- **RM500** (setiap 3 tahun)
- **kuantiti tidak dihadkan.**
- **Diperluaskan kepada semua Skim**

Perkhidmatan yang dikehendaki bertugas di dewan mahkamah/ kaunter khidmat pelanggan.

## 4) Bantuan Pakaian Jubah Mahkamah

**Sedia Ada**

## 1. Elaun Pakaian Seragam (Istiadat)

- RM750 (setiap 3 tahun)
- Pegawai Undang-Undang
- Pegawai Syariah layak menerima sama ada Elaun Pakaian Seragam (Istiadat) atau Baju Kot

**SSPA**

## 1. Bantuan Pakaian Jubah Mahkamah

- **RM750** (setiap 3 tahun)
- **Pegawai Undang-Undang**
- **Pegawai Syariah** layak menerima Bantuan Bayaran Baju Kot dan Bantuan Pakaian Jubah Mahkamah

## 1) Kemudahan Vaksin

**Sedia Ada**

Tiada dasar kemudahan vaksin diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Ceraian SR.2.1.1, PPSM

**SSPA**

Kemudahan Vaksin Atas Asas Keperluan Perkhidmatan diwujudkan.

## 2) Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan

**Sedia Ada**

1. **Perintah Am 29, Bab F Tahun 1974**
2. **Pemeriksaan kesihatan :**
  - bekerja dengan Kerajaan
  - pegawai untuk berkursus

**SSPA**

Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan Atas Asas Keperluan Perkhidmatan



### 3) Kemudahan Perubatan bagi Anak Pegawai yang Masih Mendapat Pendidikan Melebihi Umur 21 Tahun



#### Sedia Ada

Anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang berumur di bawah 18 tahun atau sekiranya masih bersekolah di bawah umur 21 tahun.

#### SSPA

Anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang berumur di bawah 18 tahun atau sekiranya masih mendapat pendidikan, **tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau tidak melebihi umur 26 tahun mana yang terdahulu.**



## SSM

1. Tambang Mengunjungi Wilayah Asal
2. Tambang Ihsan
3. Tambang Mengiringi Jenazah & Menguruskan Pemindahan Barang

## KELAYAKAN

Diperuntukkan kepada pegawai yang berkhidmat di wilayah selain wilayah asal (**tempat lahir** ibu bapa)

## PENGISYTIHARAN

Pegawai dikehendaki mengisytiharkan **wilayah asal** (tempat lahir ibu bapa) sekali sepanjang perkhidmatan dan direkodkan.

## SSPA

1. Tambang Ziarah Wilayah
2. Tambang Ihsan Wilayah
3. Tambang Mengiringi Jenazah & Menguruskan Pemindahan Barang Antara Wilayah

## KELAYAKAN

Diperuntukkan kepada pegawai yang berkhidmat di wilayah yang berbeza dengan wilayah **tempat menetap** ibu bapa.

## PENGISYTIHARAN

Pegawai dikehendaki mengisytiharkan **wilayah menetap ibu bapa** sekali sepanjang perkhidmatan dan direkodkan.



## TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

### PELAKSANAAN

1. Kemudahan tambang perjalanan pergi dan balik dari wilayah berkhidmat ke **wilayah asal**.
2. Sekiranya ibu bapa pegawai berpindah/ menetap di wilayah selain wilayah asal, pegawai **tidak layak** diberi tambang ke wilayah tersebut.

*Nota:\* Tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah yang diisytiharkan. Sekiranya kadar tambang adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai.*

## TAMBANG ZIARAH WILAYAH

### PELAKSANAAN

1. Kemudahan tambang perjalanan pergi dan balik dari wilayah berkhidmat ke **wilayah tempat menetap ibu bapa** yang diisytiharkan.
2. Sekiranya ibu bapa pegawai berpindah/ menetap di wilayah lain selain dari wilayah yang diisytiharkan, pegawai **layak** diberi tambang tertakluk syarat yang ditetapkan\*. Bagi pegawai yang ibu bapanya telah meninggal dunia, tambang diberikan untuk melawat wilayah menetap ibu bapa sebelum meninggal dunia;



### TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

3. Pasangan/ anak-anak yang tidak mengikut pegawai bertukar wilayah boleh diberi tambang untuk melawat pegawai **tertakluk pegawai belum menggunakan lagi** kemudahan tersebut pada tahun kelayakan.
4. Tambang bagi pasangan/ anak-anak yang tidak mengikut pegawai bertukar wilayah adalah **terhad dari wilayah asal ke wilayah berkhidmat sahaja**

### TAMBANG ZIARAH WILAYAH

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

3. Pasangan/ anak-anak yang tidak mengikut pegawai bertukar boleh diberi tambang **tanpa terikat** sama ada pegawai telah menggunakan kemudahan tersebut atau belum dalam tahun kelayakan.
4. Tambang bagi pasangan/ anak-anak yang tidak mengikut pegawai bertukar adalah dari **wilayah menetap ibu bapa pegawai** yang diisytiharkan atau **mana-mana wilayah lain** tertakluk kepada syarat yang ditetapkan\*.

*Nota:\* Tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah yang diisytiharkan. Sekiranya kadar tambang adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai.*



### TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

5. Diberi sekali dalam tempoh **1 tahun perkhidmatan** pegawai di wilayah berkhidmat.
6. Pegawai hendaklah berkhidmat selama 6 bulan selepas tarikh lapor diri terlebih dahulu di wilayah berkhidmat bagi penggunaan kali pertama.
7. Tempoh pegawai bercuti tanpa gaji atau separuh gaji **tidak boleh diambil kira** untuk menentukan kelayakan kemudahan ini. Tempoh cuti tersebut hendaklah ditambah kepada tempoh perkhidmatan pegawai untuk menentukan kelayakan kemudahan seterusnya.

### TAMBANG ZIARAH WILAYAH

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

5. Diberi sekali dalam tempoh **satu tahun (1) kalendar**.
6. Pegawai hendaklah berkhidmat selama 6 bulan selepas tarikh lapor diri terlebih dahulu di wilayah berkhidmat bagi penggunaan kali pertama.
7. Pegawai yang diluluskan apa-apa cuti yang tidak dibayar gaji atau cuti yang dibayar separuh gaji melebihi tempoh 180 hari dalam satu (1) tahun kalendar **tidak layak** diberikan kemudahan ini.



### TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

8. Bagi pegawai dan pasangan yang kedua-duanya bertukar wilayah, hanya seorang sahaja layak menggunakan kemudahan TMWA untuk membawa keluarga **mengunjungi wilayah asal** dalam sesuatu tahun. Manakala, pasangannya boleh menggunakan kemudahan tambang tersebut atas kadar bujang berdasarkan tempoh kelayakannya

### TAMBANG ZIARAH WILAYAH

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

8. Sekiranya pasangan pegawai berkhidmat di wilayah yang sama dengan pegawai:
- hanya seorang sahaja layak menggunakan kemudahan tambang ini untuk membawa ahli keluarga **melawat ibu bapa di wilayah menetap mereka atau melawat wilayah menetap ibu bapa sebelum meninggal dunia**; dan
  - pasangannya boleh menggunakan kemudahan tambang tersebut atas kadar bujang dalam satu (1) tahun kalendar.



### TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

9. Tiada syarat bebas tindakan tatatertib.
10. Tiada syarat tahap prestasi.

### TAMBANG ZIARAH WILAYAH

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

9. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib pada bila-bila masa dalam satu (1) tahun kalendar, **tidak layak** diberikan kemudahan ini dalam tahun tersebut.
10. Pegawai yang diberikan kemudahan ini tertakluk kepada memperoleh markah penilaian prestasi terakhir **sekurang-kurangnya 75%**.



### TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

#### TEMPOH PERALIHAN

-

### TAMBANG ZIARAH WILAYAH

#### TEMPOH PERALIHAN

Pegawai yang sedang menikmati kemudahan TMWA yang diperuntukkan di bawah Ceraian SR.6.1.1 dan **belum** menggunakan kemudahan tersebut bagi kelayakan tahun perkhidmatan sehingga 31 Disember 2024, pegawai boleh terus menggunakan kemudahan TMWA berdasarkan syarat kelayakan sedia ada sehingga 31 Disember 2024.





## TAMBANG IHSAN (SSM)

### PELAKSANAAN

1. Diperuntukkan kepada **pegawai sahaja** mengikut kelayakan tambang kapal terbang yang telah ditetapkan.
2. Diberikan kepada pegawai untuk menziarahi **ibu, bapa, ibu mentua** dan **bapa mentua** yang sakit tenat atau meninggal dunia, sebanyak satu kali bagi setiap individu yang dinyatakan sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai.
3. Tambang kapal terbang pergi dan balik dari wilayah berkhidmat ke **wilayah asal** atau mana-mana wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah asal pegawai.

## TAMBANG IHSAN WILAYAH (SSPA)

### PELAKSANAAN

1. Diperuntukkan kepada **pegawai sahaja** mengikut kelayakan tambang kapal terbang yang telah ditetapkan.
2. Diberikan kepada pegawai untuk menziarahi **ibu, bapa, ibu mentua** dan **bapa mentua** yang sakit tenat atau meninggal dunia, sebanyak satu kali bagi setiap individu yang dinyatakan sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai.
3. Tambang kapal terbang pergi dan balik dari wilayah berkhidmat ke **wilayah menetap ibu bapa** atau mana-mana wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah menetap ibu bapa.



## TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH & TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG (SSM)

### PELAKSANAAN

1. Sekiranya pegawai meninggal dunia, tambang diberikan kepada ahli keluarga untuk mengiringi jenazah pegawai ke tempat pengebumian mayat di **wilayah asal** pegawai atau mana-mana wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke **wilayah asal**.
2. Sekiranya ahli keluarga pegawai meninggal dunia, pegawai dan ahli keluarga diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah ke tempat pengebumian mayat terhad dalam Malaysia sahaja.

## TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH & TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG ANTARA WILAYAH (SSPA)

### PELAKSANAAN

1. Sekiranya pegawai meninggal dunia, tambang diberikan kepada ahli keluarga untuk mengiringi jenazah pegawai ke tempat pengebumian mayat di **wilayah menetap ibu bapa pegawai** atau mana-mana wilayah lain.
2. Sekiranya ahli keluarga pegawai meninggal dunia, pegawai dan ahli keluarga diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah ke tempat pengebumian mayat terhad dalam Malaysia sahaja.



### TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH & TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG (SSM)

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

3. Tambang Mengurus Pemindahan Barang pergi dan balik boleh diberikan kepada pasangan atau seorang ahli keluarga atau waris untuk menguruskan pemindahan barang pegawai dari wilayah berkhidmat ke **wilayah asalnya** atau mana-mana wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke **wilayah asal pegawai**.

### TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH & TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG ANTARA WILAYAH (SSPA)

#### PELAKSANAAN (SAMB.)

3. Tambang Mengurus Pemindahan Barang pergi dan balik boleh diberikan kepada pasangan atau seorang ahli keluarga atau waris untuk menguruskan pemindahan barang pegawai dari wilayah berkhidmat ke **wilayah menetap ibu bapa pegawai** atau mana-mana wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke **wilayah menetap ibu bapa pegawai**.




8

# ELAUN

**A****Kriteria dan Kaedah Pembayaran Elaun****B****Elaun yang Dimansuh****C****Elaun yang Dipinda Nama****D****Elaun yang Berkuat Kuasa****E****Pegun Kadar Elaun****F****ITKA Secara KUP**

1) Perubahan Kriteria Elaun

SSM



SSPA



## 2) Pemberhentian Elaun

Pembayaran elaun hendaklah **diberhentikan** sekiranya pegawai dalam keadaan berikut:

**Pegawai tidak melaksanakan tugas yang melayakkan pemberian elaun**

**Pegawai tidak ditempatkan di penempatan yang melayakkan elaun**

**Pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Jabatan/ tanpa sebab munasabah**

### 3) Pembayaran Pro Rata

- Kaedah **pro rata** terpakai bagi elaun yang dibayar **secara bulanan** sahaja. Keadaan yang melayakkan pro rata seperti berikut:
  1. **Tempoh penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan kalendar**
  2. **Pegawai diarahkan menjalankan tugas yang melayakkan pemberian elaun yang tidak genap satu (1) bulan kalendar**

#### **Kaedah pengiraan:**

$$\frac{\text{Bilangan hari menjalankan tugas} \times \text{Kadar elaun (RM sebulan)}}{\text{Bilangan hari dalam bulan berkenaan}}$$




BIL	NAMA ELAUN
1.	Elaun Kepada Pegawai Perubatan Yang Dilantik Sebagai Pendaftar
2.	Bayaran Balik Pembelian Cermin Mata
3.	Bayaran Imbuhan Thailand dan Singapura
4.	Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian
5.	Bayaran Insentif Kesusahan Bertugas di Taman Negara
6.	Bayaran Insentif Penyelamat di Air
7.	Bayaran Insentif Program Pemulihan Pemasarakatan
8.	Bayaran Insentif Subjek Pendidikan
9.	Bayaran Insentif Semenanjung ATM
10.	Bayaran Insentif Sabah dan Sarawak ATM
11.	Bayaran Insentif Unit Pencegah Penyeludupan

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU
1.	Bayaran Insentif Jurutera Penyelenggara Kapal Udara, Unit Udara PDRM	Bayaran Insentif Jurutera Penyelenggara Kapal Udara, Pasukan Gerakan Udara PDRM
2.	Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)	Bayaran Insentif Kemahiran (JBPM)
3.	Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Penjara Malaysia)	Bayaran Insentif Kemahiran (Jabatan Penjara Malaysia)
4.	Bayaran Insentif Ketukangan (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)	Bayaran Insentif Kemahiran (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)
5.	Bayaran Insentif Ketukangan (PDRM)	Bayaran Insentif Kemahiran (PDRM)
6.	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)	Bayaran Insentif Kemahiran Anak Kapal (JKDM)
7.	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal dan Artisan Laut (APMM)	Bayaran Insentif Kemahiran Anak Kapal dan Artisan Laut (APMM)

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU
8.	Bayaran Insentif Ketukangan <i>Dog Handlers</i>	Bayaran Insentif Pengendali Anjing Terlatih
9.	Bayaran Insentif Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM	Bayaran Insentif Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa
10.	Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang ATM	Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang
11.	Bayaran Insentif Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas	Bayaran Insentif Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
12.	Bayaran Insentif Pengawasan Pelatih di PUSPEN	Bayaran Insentif Pengawasan Klien di PUSPEN
13.	Bayaran Insentif Perkhidmatan PERHILITAN	Bayaran Insentif Pemuliharaan Hidupan Liar
14.	Bayaran Insentif Rating Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM	Bayaran Insentif Rating Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU
15.	Bayaran Insentif Tugas Memanjat Pokok	Bayaran Insentif Pasukan Memanjat Pokok
16.	Bayaran Insentif Wilayah	Bayaran Imbuhan Wilayah
17.	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Desa dan Klinik Kesihatan
18.	Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital	Elaun Bertugas Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital
19.	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik Parlimen	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik di Parlimen



*\*Elaun-elaun Khidmat Luar Negeri tidak diletakkan di bawah mana-mana kriteria pemberian elaun kerana ia merupakan gabungan pelbagai jenis Elaun Luar Negeri dengan kriteria yang berbeza.*

## ASAS

1. Menyeragamkan semua elaun kepada suatu kadar tetap
2. Tanggungan kewangan Kerajaan meningkat melalui pelarasan gaji dan kenaikan gaji tahunan
3. Penerima sedia ada tidak mengalami pengurangan *worse-off* kadar semasa elaun

## PELAKSANAAN

1. Penyandang sedia ada kekal menerima kadar tetap berdasarkan amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA.
2. Pegawai lantikan baharu/ pegawai sedia ada yang baru berkecualan menerima suatu kadar tetap baharu berdasarkan kumpulan perkhidmatan dan gred pegawai

## 1) Bayaran Insentif Pedalaman

## OBJEKTIF

Menggalakkan pegawai untuk berkhidmat di kawasan pedalaman yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri

## KADAR SSPA

- Penerima sedia ada:** Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIP yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA; dan
- Pegawai lantikan baharu atau pegawai baru berkelayakan:** Kadar tetap baharu seperti jadual berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Gred SSM	Gred SSPA	Kadar Sebulan (RM)
Pengurusan dan Profesional	41 - 56	9 - 15	210.00
Pelaksana	29 - 40	5 - 8	150.00
	19 - 28	1 - 4	135.00

Nota: Penerima sedia ada yang menerima kadar tetap yang lebih rendah daripada kadar tetap baharu BIP, pegawai akan menerima kadar BIP pada kadar tetap baharu.

## 1) Simulasi Pegun Kadar Bayaran Insentif Pedalaman

## SIMULASI BIP

Perkara	SSM (30 November 2024)	SSPA (01 Disember 2024)
Skim Perkhidmatan	Pembantu Perawatan Kesihatan, U11	Pembantu Perawatan Kesihatan, U1
Gaji Hakiki	RM1,684.00	RM1,684.00
Pelarasan Gaji Fasa 1 (8%)	-	RM240.00
Kadar BIP	RM168.40	RM168.40
<b>Jumlah Pendapatan*</b>	<b>RM1,852.40</b>	<b>RM2,092.40</b>

\*Tidak termasuk imbuhan tetap/ bayaran imbuhan.



## 2) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

## OBJEKTIF

Mengiktiraf skim-skim perkhidmatan kritikal dalam menyokong dasar dan strategi pembangunan kerajaan.

## KADAR SSPA

- Penerima sedia ada:** Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIPK yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA; dan
- Pegawai lantikan baharu atau pegawai baru berkelayakan:** Kadar tetap baharu seperti jadual berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Gred SSM	Gred SSPA	Kadar Sebulan (RM)
Pengurusan dan Profesional	41 - 56	9 - 15	165.00
Pelaksana	29 - 40	5 - 8	150.00
	19 - 28	1 - 4	135.00

- Tiada pemanjangan kepada skim perkhidmatan lain; dan
- Penerima sedia ada yang menerima kadar tetap yang lebih rendah daripada kadar tetap baharu BIPK, pegawai akan menerima kadar BIPK pada kadar tetap baharu.

## 2) Simulasi Pegun Kadar BIPK

SIMULASI BIPK 1 

Perkara	SSM (30 November 2024)	SSPA (01 Disember 2024)
Skim Perkhidmatan	Jururawat, Gred U42	Jururawat, Gred U9
Gaji Hakiki	RM6,808.29	RM6,808.29
Pelarasan Gaji Fasa 1 (8%)	-	RM544.67
Kadar BIPK	RM680.83	RM680.83
Jumlah Pendapatan*	RM7,489.12	RM8,033.79

\*Tidak termasuk imbuhan tetap/ bayaran imbuhan.

## 2) Simulasi Pegun Kadar BIPK

SIMULASI BIPK 2 

Perkara	SSM (30 November 2024)	SSPA (01 Disember 2024)
<b>Skim Perkhidmatan</b>	Penerbit Rancangan, Gred B41	Penerbit Rancangan, Gred B9
<b>Gaji Hakiki</b>	RM2,095.00	RM2,095.00
<b>Pelarasan Gaji Fasa 1 (8%)</b>	-	RM240.00
<b>Kadar BIPK</b>	RM104.75	RM165.00*
<b>Jumlah Pendapatan**</b>	<b>RM2,199.75</b>	<b>RM2,500.00</b>

\*Penerima sedia ada yang menerima kadar tetap yang lebih rendah (RM104.75) daripada kadar tetap baharu BIPK, pegawai akan menerima kadar BIPK pada kadar tetap baharu (RM165.00).

\*\*Tidak termasuk imbuhan tetap/ bayaran imbuhan.

## 3) Bayaran Imbuhan Wilayah (BIW)

## OBJEKTIF

Menampung sebahagian kos sara hidup Pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah dan pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Labuan yang berkhidmat di negeri masing-masing.

## KADAR SSPA

- Penerima sedia ada:** Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIW yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA; dan
- Pegawai lantikan baharu atau pegawai baru berkelayakan:** Kadar tetap baharu seperti jadual berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Gred SSM	Gred SSPA	Kadar Sebulan (RM)
Pengurusan Tertinggi	Utama/ Khas	Utama/ Khas	960.00
Pengurusan dan Profesional	41 - 56	9 - 15	360.00
Pelaksana	29 - 40	5 - 8	300.00
	19 - 28	1 - 4	270.00

Penerima BIW yang menerima kadar BIW lebih rendah daripada kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) mengikut kawasan, pegawai akan menerima kadar BISH mengikut kawasan berkenaan (hanya terpakai kepada pegawai yang bertukar wilayah ke Semenanjung sahaja).

## 3) Simulasi Kadar Pegun BIW

SIMULASI BIW 1 

Perkara	SSM (30 November 2024)	SSPA (01 Disember 2024)
<b>Skim Perkhidmatan</b>	Pegawai Pergigian, Gred UG48	Pegawai Pergigian, Gred UG12
<b>Gaji Hakiki</b>	RM6,872.88	RM6,872.88
<b>Pelarasan Gaji Fasa 1 (8%)</b>	-	RM549.83
<b>Kadar BIW</b>	RM859.11	RM859.11
<b>Jumlah Pendapatan*</b>	<b>RM7,731.99</b>	<b>RM8,281.82</b>

\*Tidak termasuk imbuhan tetap/ bayaran imbuhan.

## 3) Simulasi Kadar Pegun BIW

SIMULASI BIW 2 

Perkara	SSM (30 November 2024)	SSPA (01 Disember 2024)
<b>Skim Perkhidmatan</b>	Pembantu Perawatan Kesihatan, Gred U11	Pembantu Perawatan Kesihatan, Gred U1
<b>Gaji Hakiki</b>	RM1,204.00	RM1,204.00
<b>Pelarasan Gaji Fasa 1 (8%)</b>	-	RM1,444.00 (Pelarasan RM240.00)
<b>Dipindahkan ke amaun Gaji Permulaan Terendah</b>	-	RM1,500.00
<b>Kadar BIW</b>	RM270.90	RM270.90
<b>Jumlah Pendapatan*</b>	<b>RM1,474.90</b>	<b>RM1,770.90</b>

\*Tidak termasuk imbuhan tetap/ bayaran imbuhan.

Pegawai yang menerima Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) yang lebih tinggi (SSM) daripada kadar ITKA yang berkuat kuasa dalam SSPA, pegawai kekal menggunakan kadar ITKA yang lebih tinggi secara KUP

SSM		SSPA	
Gred	Kadar ITKA (RM)	Gred	Kadar ITKA (RM)
36 (B)	220.00	6	160.00

*Pegawai pada gred 36(B) (SSM) akan kekal menerima ITKA pada kadar Gred 6 (SSPA) iaitu RM220.00 secara KUP*

## Skim yang terlibat

### Skim Perkhidmatan Berkelayakan STPM/ Diploma/ Setaraf

- 1) Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara - A29, **A36**, A38, A40
- 2) Penolong Pegawai Laut - A29, **A36**, A38, A40
- 3) Penolong Pemeriksa Kapal Terbang - A29, **A36**, A38, A40
- 4) Penolong Juruukur Bangunan - J29, **J36**, J38, J40
- 5) Penolong Arkitek Landskap - JA29, **JA36**, JA38, JA40
- 6) Penolong Juruukur - JA29, **JA36**, JA38, JA40
- 7) Penolong Juruukur Bahan - JA29, **JA36**, JA38, JA40
- 8) Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera - JA29, **JA36**, JA38, JA40
- 9) Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa - JA29, **JA36**, JA38, JA40

### Skim Perkhidmatan Bersepadu (Kelayakan SPM/ STPM/Diploma/ijazah)

